

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI AFFIN BANK BERHAD

No. Syarikat: 25046 T

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 109 hingga 163. Penyata-penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para Pengarah Bank. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk memperolehi kewajaran munasabah bahawa penyata-penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan mengelirukan yang ketara. Sebuah audit merangkumi pemeriksaan, dengan asas ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata-penyata kewangan. Sebuah audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan pada keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) Penyata-penyata kewangan yang disediakan adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, piawaian perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia di mana ia memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - (i) perkara-perkara yang dikehendaki dilakukan dalam penyata kewangan di bawah Seksyen 169 peruntukan Akta Syarikat, 1965; dan
 - (ii) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2001 dan tentangan hal keputusan dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut;
- dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang mana kami selaku juruauditnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI AFFIN BANK BERHAD (sambungan)

No. Syarikat: 25046 T

Kami berpuashati bahawa penyata-penyata kewangan bagi kesemua syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata-penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penerangan yang memuaskan seperti mana yang dikehendaki oleh kami untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit kami ke atas penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari, tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut seksyen kecil (3) Seksyen 174 di bawah Akta tersebut.

PricewaterhouseCoopers

(AF: 1146)

Akauntan Berkanun

166

Dato' Ahmad Johan bin Mohammad Raslan

(1867/09/02 (J))

Rakan Firma

Kuala Lumpur

23 April 2002